

|             |                      |            |           |
|-------------|----------------------|------------|-----------|
| Headline    | Amaran buat kita     |            |           |
| MediaTitle  | Metro Ahad           |            |           |
| Date        | 09 Nov 2014          | Language   | Malay     |
| Circulation | 825,000              | Readership | 2,475,000 |
| Section     | Setempat             | Page No    | 10,11     |
| ArticleSize | 1502 cm <sup>2</sup> | Journalist | Muhammad  |
| PR Value    | RM 174,066           |            |           |
|             |                      |            |           |



# Amaran buat kita

## ■ Banjir, tanah runtuh permulaan bencana jika isu penerokaan haram tidak ditangani

Oleh Muhammad Apendy Issahak  
 apendy@hmetro.com.my  
 Cameron Highlands

**T**ragedi limpahan air Empangan Sultan Abu Bakar (SAB) di Lembah Bertam tahun lalu adalah amaran buat kita. “Manakala banjir lumpur serta tanah runtuh di beberapa kawasan di sini, yang berlaku pada Rabu lalu pula adalah permulaan bagi banyak lagi bencana jika isu penerokaan dan pembangunan haram di tanah rizab sepanjang sungai tidak ditangani segera,” kata Presiden Persatuan Kesedaran Alam Sekitar Cameron Highlands (REACH) R Ramakrishnan.

Menurut Ramakrishnan, situasi di situ ketika ini adalah lebih teruk mangsa yang terkorban bertambah daripada empat pada 23 Oktober 2013 kepada lima mangsa dalam tragedi terbaru.

Ramakrishnan berkata, apa yang berlaku di Lembah Bertam yang mengakibatkan air daripada empangan SAB terpaksa dilepaskan bukan hanya disebabkan keadaan di sekitar kawasan empangan saja tetapi ia turut berpunca dari beberapa kawasan lain termasuk di Kampung Raja, Kuala Terla, Brinchang dan Tanah Rata.

“Seperti apa yang didedahkan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air semalam (kelmarin) berhubung punca air dari SAB terpaksa dilepaskan pada malam Rabu lalu, selain disebabkan hujan lebat luar biasa, turut air ke empangan tersumbat akibat sampah dan mendapan.

“Perkara ini memang serius kerana boleh dikatakan, sepanjang se-

“  
 mua sungai yang airnya mengalir ke empangan, berlaku aktiviti pene-

rokaan haram untuk pertanian dan pembangunan tidak terancang yang menjadi sumber utama kepada masalah sampah serta mendapan yang memenuhi sungai,” katanya ketika ditemui di sini, semalam.

R Ramakrishnan

kan sungai di Cameron Highlands sudah tercemar dan dijadikan seperti 'tong sampah' besar untuk membuang sampah terutama daripada aktiviti pertanian haram di kawasan tanah rizab sungai.

Selain itu, katanya, aktiviti pembangunan di kawasan cerun yang ditarah juga mengakibatkan tanah runtuh hingga memasuki sungai seterusnya menjadi mendapan.

“Semua sampah dan mendapan yang masuk ke dalam sungai akan dihanyutkan hingga memasuki terowong saluran air ke empangan SAB, sekali gus

berlaku ini.

“Jika perkara ini tidak ditangani segera, saya rasa sebanyak mana pun kos dibelanjakan TNB untuk mengorek dan membuang sampah di empangan berkenaan, ia hanya sia-sia kerana aktiviti haram yang berlaku masih berterusan malah semakin rancak walaupun sudah berlaku tragedi sebelum ini,” katanya.

Ramakrishnan berpendapat, isu ini gagal ditangani kerana berlaku jenayah rasuah di pelbagai peringkat termasuk di peringkat tertinggi negeri hingga menyebabkan usaha diambil beberapa pihak yang jujur menjadi sia-sia.

“Sekiranya kita tidak mahu bencana berterusan berlaku di kawasan tanah tinggi tum-

ini,

|             |                      |            |           |
|-------------|----------------------|------------|-----------|
| Headline    | Amaran buat kita     |            |           |
| MediaTitle  | Metro Ahad           |            |           |
| Date        | 09 Nov 2014          | Language   | Malay     |
| Circulation | 825,000              | Readership | 2,475,000 |
| Section     | Setempat             | Page No    | 10,11     |
| ArticleSize | 1502 cm <sup>2</sup> | Journalist | Muhammad  |
| PR Value    | RM 174,066           |            |           |
|             |                      |            |           |

semua pihak perlu bergabung untuk mengambil tindakan drastik mengekang aktiviti haram. Jika perlu, gunakan khidmat tentera.

“Ini kerana, keadaan penerokaan haram di sini terlampau serius, hingga boleh saya katakan seperti tiada undang-undang di sini, dan sesiapa sahaja termasuk pendatang asing yang mempunyai wang serta kuasa boleh memilih mana-mana saja tanah yang mereka ingin ceroboh,” katanya.

Menurut Ramakrishnan, keluasan kawasan aktiviti penerokaan haram di Cameron Highlands yang seluas 72,000 hektar ini tidak dapat dipastikan kerana tiada pihak yang memantaunya.

Namun, katanya, jika dilihat ia sudah terlalu serius dan pastinya banyak pihak yang menyedari keadaan itu.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Datuk Seri Mahdzir Khalid kelmárin dilaporkan berkata, pihaknya mencadangkan penyelesaian holistik secara jangka panjang membabitkan pelbagai agensi kerajaan bagi menangani masalah banjir kilat di kawasan tanah tinggi khususnya di Lembah Bertam.

“ Jika perkara ini tidak ditangani segera, saya rasa sebanyak mana pun kos dibelanjakan TNB untuk mengorek dan membuang sampah sia-sia ”



ANTARA tebing sungai yang mengalami hakisan teruk.

|             |                      |            |           |
|-------------|----------------------|------------|-----------|
| Headline    | Amaran buat kita     |            |           |
| MediaTitle  | Metro Ahad           |            |           |
| Date        | 09 Nov 2014          | Language   | Malay     |
| Circulation | 825,000              | Readership | 2,475,000 |
| Section     | Setempat             | Page No    | 10,11     |
| ArticleSize | 1502 cm <sup>2</sup> | Journalist | Muhammad  |
| PR Value    | RM 174,066           |            |           |
|             |                      |            |           |



**KERJA-KERJA**  
pembersihan dijalankan  
di hadapan sekolah.



SUKARELAJAW bersama  
guru dan murid, Murid Sekolah  
Jenis Kebangsaan Cina Bertam  
Valley bergotong-royong  
membersihkan kelas.

**GURU**  
membersihkan  
peralatan  
sukan.



**MURID-MURID** Sekolah  
Jenis Kebangsaan Cina  
Bertam Valley  
membersihkan  
kawasan.



**JALAN** retak di jalan  
Brinchang menghala ke Kea  
Farm Cameron Highlands.

|             |                      |            |           |
|-------------|----------------------|------------|-----------|
| Headline    | Amaran buat kita     |            |           |
| MediaTitle  | Metro Ahad           |            |           |
| Date        | 09 Nov 2014          | Language   | Malay     |
| Circulation | 825,000              | Readership | 2,475,000 |
| Section     | Setempat             | Page No    | 10,11     |
| ArticleSize | 1502 cm <sup>2</sup> | Journalist | Muhammad  |
| PR Value    | RM 174,066           |            |           |
|             |                      |            |           |

